

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HMT 501 - Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu Lanjutan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH [10]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan.

**ARAHAN KEPADA CALON:**

1. Jawan **EMPAT [4]** soalan kesemuanya; iaitu, jawab soalan **SATU** dan soalan **DUA** dan mana-mana **DUA [2]** soalan yang lain.
2. Nilai markah soalan-soalan adalah berbeza-beza.
3. Maklumat dalam *Lampiran 1* boleh digunakan untuk menjawab mana-mana soalan yang sesuai.

Tulis semua jawapan dalam **BUKU JAWAPAN**.

1. Jawab [a] hingga [h]:

- [a] Apakah perbezaan antara fonetik artikulasi, fonetik pendengaran (auditori) dan fonetik akustik?
- [b] Dengan contoh-contoh bunyi bahasa yang sesuai, dalam kajian fonetik artikulasi, apakah maksud mekanisme "engresif" dan "ingresif"?
- [c] Apakah bunyi vokal? Dengan contoh daripada bahasa yang sesuai, nyatakan maksud "sistem 6 vokal" dan "sistem 3 vokal".
- [d] Jika satu segmen bunyi ialah satu bundut fitur-fitur distingtif, beri nama dan seterusnya tunjukkan fitur-fitur distingtif bagi bunyi-bunyi konsonan berikut:
  - [p] dan [k]
  - [p] dan [t̪]
  - [t̪] dan [c̪]
  - [t̪] dan [t̩]
- [e] Dari segi **fonologi autosegmental** tunjukkan dalam bentuk gambarajah (rajah pohon) apakah sebenarnya yang berlaku kepada fitur-fitur yang berkenaan dalam derivasi bentuk-bentuk yang berikut?

[makan] → [ma:kə:nən] 'makanan'  
[tia] → [ti:a] → [ti:a] 'tiang'.
- [f] Apakah suku kata (syllable)? Beri struktur suku kata bentuk fonetik berikut; seterusnya jelaskan (melalui fitur-fitur yang sesuai), apakah yang berlaku kepada fitur-fitur bagi segmen yang berkenaan:

**pelabialan** [ku:ali] 'kuali',  
**pengglotalan** [ku:ada:an] 'keadaan' ,  
**konsonan yang silabik** [b:t̩] 'bottle',  
**konsonan panjang** /masakan/ → /masakkan/ 'masakan'
- [g] Apakah kepentingan penetapan status bunyi [s] dalam fonologi bahasa Melayu khususnya dalam proses morfonemik kata seperti /mu:s-suap/ → [mu:su:ap] 'menyuap' dan bukan \*[mu:n:ap]? Apakah justifikasi meletakkan /:/ dalam bentuk dalaman?

[40 markah]  
...3/-

2. Dengan menggunakan ejaan perkataan bahasa Melayu yang diberikan di bawah dan melalui pengetahuan anda tentang bahasa Melayu, jawab [a] dan [b]:

Data ejaan: yang  
wang  
baik  
kalau  
dia  
tua  
hairan  
paut.

- [a] Bagi setiap perkataan dalam data ejaan bahasa Melayu baku tersebut, tuliskan **bentuk dalaman** dan **bentuk permukaannya (iaitu fonetiknya)**.
- [b] Dengan menggunakan teori fonologi autosegmental, berikan derivasi (proses fonologi) kata-kata dalam data tersebut. (Justifikasi dan analisis pengkaji lepas serta data daripada bahasa lain atau dialek tempatan yang anda tahu boleh disertakan untuk menyokong penjelasan anda).

[20 markah]

3. Teliti bentuk-bentuk permukaan (fonetik) di bawah, kemudian jawab [a] dan [b]:

[ma<sup>u</sup>so<sup>u</sup>k<sup>u</sup>] 'masukkan',  
[ma<sup>u</sup> l<sup>u</sup> ] 'malam',  
[na<sup>u</sup> kal] 'nakal',  
[tu<sup>o</sup>ku<sup>u</sup>kan] 'tepukan',  
[ma<sup>u</sup>a<sup>u</sup> p<sup>u</sup>] 'maaf',  
[ma<sup>u</sup> ha<sup>u</sup> l] 'mahal'.

- [a] Catatkan bentuk dalamannya dan nama dialek bahasa Melayu bagi setiap output tersebut.
- [b] Bagi setiap bentuk dalam (a) di atas, dengan menggunakan teori autosegmental, nyatakan proses fonologi yang berkenaan.

- [c] Dengan menggunakan **teori autosegmental** dan model representasi fonologi Sagey (1986), jelaskan setiap proses fonologi di atas.  
(Justifikasi daripada pengkaji-pengkaji lepas boleh digunakan untuk menyokong penjelasan anda).

[20 markah]

4. Apakah penyelesaian **fonologi generatif** (linear atau bukan linear) terhadap data yang tingkah-lakunya bercampur-campur seperti halnya dalam bahasa Melayu khususnya akibat pinjaman daripada bahasa Inggeris dan bahasa Arab dalam kes obstruan tak bersuara /p, t, k/ pada awal kata apabila bertemu dengan morfem {mu<sup>h</sup>-} dalam data ejaan di bawah? (*Sila gunakan data di bawah dan Lampiran I sebagai maklumat tambahan; tanda \* menunjukkan bentuk itu bentuk yang tidak dipakai*).

Data:

*mematwa	memfatwa	*pemfatwa
memikir	*memfikir	
*memitnah	memfitnah	
*memlawा	mempelawa	
*memercayai	mempercayai	
*memroses	memproses	
*menernak	menternak	
mengutub	*mengkutub	
mengaji	mengkaji	

[20 markah]

5. Jawab [a], [b] dan [c]:

- [a] Dalam data yang berikut, terdapat fenomena pengnasalan vokal.  
Huraiakan fenomena pengnalasan vokal yang dapat diperhatikan dan cuba beri derivasinya.

[su<sup>h</sup>i<sup>h</sup>] 'sunyi'  
[me<sup>h</sup>wa<sup>h</sup>] 'mewah'  
[sa<sup>h</sup> a<sup>h</sup> t<sup>h</sup>] 'saat'  
[ha<sup>h</sup>mu<sup>h</sup>] 'hama'

[b] Dengan contoh-contoh dan rumus yang sesuai daripada bahasa Melayu atau bahasa yang anda ketahui, beri dua [2] contoh reduksi vokal..

[c] Berikan penyelesaian dalam alternasi vokal [a ] ə [u] dalam data berikut:

j&uta	*j&utu/j&utu?an	j&utawan/j&uta?an
karya	*karyu/karyu?an	karyawan/karyaəan

[20 markah]

